

Jemaah haji Malaysia selesai melontar jamrah Qubra, tahalul

MOHD TURMADZI MADUN

Melaporkan dari Mekah



MEKAH: Semua jemaah Malaysia selesai melontar di jamrah Qubra dan bertahalul selepas meninggalkan Arafah malam kelmarin bagi melayakkan mereka bergelar haji dan hajjah.

Kumpulan pertama bergerak meninggalkan Arafah pada pukul 6.30 petang waktu tempatan dan operasi selesai kira-kira empat jam kemudian.

Mereka kini bermalam di Mina untuk menyelesaikan baki melontar di ketiga-tiga jamarat sehingga 13 Zulhijjah sebelum pulang ke kota Mekah untuk tawaf dan sai.

Mereka turut meraikan Aidiladha dan melakukan korban sehingga tamat hari tasyrik.

Takbir dilaungkan di kesemua masjid dan surau termasuk di Masjidilharam bagi menandakan hari kemenangan jemaah melakukan haji dan ibadah korban bagi mengimbuai peristiwa yang berlaku di antara Nabi Ibrahim



MOHD. Na'im Mokhtar (kiri) bersalaman dengan jemaah yang berwukuf di Arafah kelmarin.

serta anaknya, Nabi Ismail.

Khutbah solat sunat Aidiladha di Masjidilharam disampaikan oleh khatib Sheikh Dr. Yaser Ad-Dawsary hafizahullah.

Menteri Di Jabatan Perdana

Menteri, Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, ketika di Arafah, sebanyak 46 jemaah terlibat dalam Program Prihatin Tetamu Ar-Rahman (Peneman) yang disantuni oleh 50 petugas.

Selepas tamat hari tasyrik pada Sabtu ini, jemaah mula berangkat pulang ke tanah air dan kumpulan pertama dijadual pulang terbang ke Malaysia pada awal Julai ini.